JOBNAME: No Job Name PAGE: 1 SESS: 1 OUTPUT: Fri Oct 28 13:26:51 2011
//caseml/case/mlj/09_-_Lau_Chin_Huat_185468_126936_01

Pendakwa Raya lwn Lau Chin Huat

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PENYEMAKAN JENAYAH NO MT4–43–11 TAHUN 2010
KAMARDIN HASHIM PK
4 JUN 2010

Prosedur Jenayah — Hukuman — Tuduhan dua rompakan bersenjata terhadap mangsa yang sama — Tertuduh mengaku salah terhadap kedua-dua pertuduhan — Sama ada hukuman patut berjalan serentak atau berasingan — Sama ada hukuman boleh diringankan — Kanun Acara Jenayah ss 292, 316, 323, 325 & 327 — Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 31 & 35

Tertuduh telah dihadapkan dengan dua pertuduhan di dua mahkamah Sesyen yang berbeza pada hari yang sama. Tertuduh pada awalnya dituduh di Mahkamah Sesyen Jenayah 1 dengan satu pertuduhan merompak dengan bersenjatakan sebilah parang pada 1 April 2010 terhadap Norliza Ariffin dan telah menyamun harta milik hotel iaitu wang tunai RM120, satu kesalahan di bawah s 392/397 Kanun Keseksaan ('Kanun') ('kes pertama'). Tertuduh telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan tersebut dan telah dikenakan hukuman penjara lima tahun. Tertuduh kemudiannya telah dibawa ke Mahkamah Sesyen Jenayah 2, dan dihadapkan dengan satu lagi pertuduhan merompak bersenjatakan sebilah parang pada 18 April 2010 terhadap Norliza Ariffin dan telah menyamun harta milik hotel iaitu sebuah telefon bimbit dan wang tunai RM33, satu kesalahan di bawah s 392/397 Kanun ('kes kedua'). Tertuduh juga telah mengaku salah terhadap pertuduhan tersebut dan atas sabitan, tertuduh telah dikenakan dengan hukuman tujuh tahun penjara serta tiga sebatan rotan. Kedua-dua hukuman penjara tersebut berjalan serentak berkuat kuasa bermula dari tarikh tertuduh ditangkap. Mahkamah ini telah meminta supaya rekod asal kedua-dua kes terhadap tertuduh tersebut dikemukakan di bawah s 323 Kanun Acara Jenayah ('KAJ') untuk satu semakan dapat dibuat terhadap hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen berkenaan. Persoalan yang timbul adalah sama ada hukuman terhadap tertuduh patut berjalan serentak (*concurrent*) atau pun berjalan secara berasingan (*consecutive*).

Diputuskan, menjalankan hukuman penjara tujuh tahun dalam kes kedua secara berasingan selepas tamat hukuman penjara lima tahun bagi kes pertama:

(1) Peruntukan di bawah s 292 KAJ memberikan kuasa budi bicara kepada seseorang hakim bicara untuk menentukan sama ada sesuatu hukuman penjara yang dikenakan ke atas seseorang tertuduh itu berjalan secara serentak ataupun secara berasingan dalam keadaan terdapat lebih

JOBNAME: No Job Name PAGE: 2 SESS: 1 OUTPUT: Fri Oct 28 13:26:51 2011
//caseml/case/mlj/09_-_Lau_Chin_Huat_185468_126936_01

daripada satu hukuman penjara yang dikenakan ke atas tertuduh yang sama. Walaupun kuasa budi bicara diberikan, namun adalah menjadi undang-undang mantap bahawa kuasa budi bicara tersebut hendaklah tidak dilaksanakan dengan cara sewenang-wenangnya. Sebaliknya, kuasa budi bicara yang diberikan itu hendaklah dilaksanakan mengikut norma-norma perundangan yang mantap dan diterima sebagai satu *'rule of practice'* serta selaras dengan keputusan dalam kes-kes yang telah diputuskan sebelum ini (lihat perenggan 12).

(2) Tertuduh telah disabitkan dengan dua kesalahan merompak dengan bersenjatakan sebilah parang terhadap mangsa seorang wanita yang bertugas sebagai penjaga sebuah hotel. Walaupun mangsa rompakan merupakan orang yang sama dan kejadian rompakan juga berlaku di tempat yang sama namun kedua-dua kejadian berlaku pada tarikh yang berlainan. Oleh itu dua kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh bukanlah dilakukan dalam satu transaksi yang sama. Kedua-dua kesalahan juga merupakan dua kesalahan yang berbeza (*two distinct offence*) walaupun melibatkan mangsa yang sama (lihat perenggan 14–15).

(3) Dengan melihat kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh dalam kes ini di mana dalam tempoh masa tidak sampai tiga minggu tidak harus dipandang ringan. Dua kesalahan tersebut adalah serius dan jika tidak ditangkap selepas melakukan kesalahan kedua, tidak ada jaminan tertuduh tidak akan mengulangi lagi kesalahan yang sama ke atas mangsa yang sama atau ke atas mangsa yang lain. Hukuman 12 tahun dan setelah remission akan menjadi lapan tahun tidak akan membawa *'crushing effect'* kepada tertuduh dalam kes ini. Oleh itu, berdasarkan kepada kuasa yang diberikan kepada mahkamah ini di bawah s 325 KAJ yang dibaca bersama dengan s 316 KAJ, kedua-dua hukuman penjara diperintahkan berjalan secara berasingan (lihat perenggan 18–19).

[English summary

The accused faced two charges in two different sessions courts on the same day. The accused was initially charged in the Criminal Sessions Court 1 for the charge of armed robbery with a machete on 1 April 2010 on one Norliza Ariffin and had robbed the properties belonging to the hotel ie cash of RM120, an offence under s 392/397 of the Penal Code. The accused pleaded guilty on the charge and had been sentenced to five years imprisonment. The accused was subsequently taken to the Criminal Sessions Court 2 and faced another charge of armed robbery with a machete on 18 April 2010 against Norliza Ariffin and had robbed the properties of the hotel ie a handphone and cash of RM33, an offence under s 392/397 of the Code. The accused had also pleaded guilty on the charge and upon conviction, the accused was sentenced to seven years imprisonment and three strokes of rattan. Both sentences ran concurrently

JOBNAME: No Job Name PAGE: 3 SESS: 1 OUTPUT: Fri Oct 28 13:26:51 2011
//caseml/case/mlj/09_-_Lau_Chin_Huat_185468_126936_01

effective from the date of the arrest of the accused. The court asked that the original records of both cases against the accused be presented under s 323 of the Criminal Procedure Code ('CPC') so that a review could be made against the sentences imposed by the sessions court judge. The question raised was whether the sentence against the accused should run concurrently or consecutively.

Held, the sentence of seven years imprisonment in second case to run consecutively upon after the completion of the sentence of five years imprisonment for the first case:

(1) The provision under s 292 of the CPC provides discretionary powers for a trial judge to determine whether a sentence of imprisonment which was imposed on an accused to run concurrently or consecutively in the event there were more than one sentence of imprisonment imposed on the same accused. Although the discretionary powers were provided, however it is established law that the discretionary powers must not be exercised arbitrarily. Instead, the discretionary power must be exercised in accordance to the established principles of law and accepted as a rule of practice and in line with the decision in the previous decided cases (see para 12).

(2) The accused was convicted on two offence of robbery armed with machete against a woman working as the caretaker of a hotel. Although the victim in the robberies was the same person and the robberies took place at the same venue but both the incident took place on different dates. Therefore both offences committed by the accused were not in the same transaction. Both offences were also two distinct offences although involving the same victim (see paras 14–15).

(3) In view of the offences committed by the accused in this case, which were within the duration of three weeks, should not be taken lightly. Both offences were serious in nature and if he was not apprehended after the second offence, there was no guarantee that the accused would not repeat the same offence on the same victim or any other victims. The sentence of 12 years and after remission would be eight years would not cause crushing effect on the accused in this case. Therefore based on the powers provided to this court under s 325 of the CPC read with s 316 of the CPC, both the sentences of imprisonment were ordered to run consecutively (see paras 18–19).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai hukuman secara amnya, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 4438–4696.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 4 SESS: 1 OUTPUT: Fri Oct 28 13:26:51 2011
//caseml/case/mlj/09_-_Lau_Chin_Huat_185468_126936_01

Kes-kes yang dirujuk

Bachik bin Abdul Rahman v PP [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572, MR (dirujuk)
Liaw Kwai Wah & Anor v PP [1987] 2 MLJ 69; [1987] 1 CLJ 35, MA (dirujuk)
Mansor bin Meyon v PP [2007] 8 MLJ 706; [2007] 7 CLJ 561, MT (dirujuk)
Mohd Zandere bin Ariffin v PP [2006] 5 MLJ 685; [2006] 5 CLJ 663, MT (dirujuk)
PP v Muhari bin Mohd Jani & Anor [1996] 3 MLJ 116; [1999] 8 CLJ 430, MT (dirujuk)
PP v Shari bin Mohd Shariff [2005] 4 MLJ 763; [2005] 5 CLJ 439, MT (dirujuk)
SA Jamil bin Md Yusof v PP [2002] 6 MLJ 106; [2002] 7 CLJ 132, MT (dirujuk)
Safae Ing lwn Pendakwa Raya [2006] 5 MLJ 698; [2006] 6 CLJ 125, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 31, 35
Akta Mahkamah Rendah 1948 s 102
Kanun Keseksaan s 392 397
Kanun Acara Jenayah ('KAJ') ss 292, 323, 324, 325, 326, 327, 328, 329

Juanita Bte Mohd Said (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor, Nusajaya) bagi pihak pendakwaan.
Tertuduh hadir sendiri.

Kamardin Hashim PK:

[1] Akhbar 'The Star' bertarikh 11 Mei 2010 dalam ruangan 'Nation' di ms 17 melaporkan atas tajuk 'Labourer who stole RM253 gets 12 years' telah menarik perhatian saya. Laporan akhbar tersebut menyatakan seorang buruh telah merompak sebanyak dua kali seorang mangsa yang sama yang bekerja di sebuah hotel telah dijatuhkan dengan hukuman penjara lima tahun bagi kesalahan pertama dan tujuh tahun dengan tiga sebatan rotan bagi kesalahan kali kedua. Kedua-dua hukuman penjara tersebut berjalan serentak berkuat kuasa mulai dari tarikh tertuduh ditangkap. Saya telah meminta supaya rekod asal kedua-dua kes terhadap tertuduh tersebut dikemukakan di bawah s 323 Kanun Acara Jenayah untuk satu semakan dapat dibuat terhadap hukuman yang telah dijatuhkan oleh tuan hakim mahkamah sesyen (Tuan HMS) berkenaan.

[2] Seksyen 323 hingga 327 Kanun Acara Jenayah serta ss 31 dan 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 telah memberikan bidang kuasa yang cukup luas

JOBNAME: No Job Name PAGE: 5 SESS: 1 OUTPUT: Fri Oct 28 13:26:51 2011
//caseml/case/mlj/09_-_Lau_Chin_Huat_185468_126936_01

kepada Mahkamah Tinggi untuk menyemak keputusan-keputusan yang dibuat oleh mahkamah jenayah bawahan bagi menentukan sama ada keputusan Tuan HMS tersebut betul, mengikut undang-undang atau bersesuaian. Dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, untuk menentukan sama ada hukuman yang diperintahkan berjalan serentak bagi kedua-dua kesalahan oleh Tuan HMS itu betul, sesuai dan menurut undang-undang atau tidak. Prosedur mengenai semakan telah dihuraikan dengan panjang lebar dalam kes *Public Prosecutor v Muhari bin Mohd Jani & Anor* [1996] 3 MLJ 116; [1999] 8 CLJ 430 dan *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69; [1987] 1 CLJ 35.

[3] Setelah menyemak rekod prosiding serta kertas pertuduhan asal terhadap tertuduh, saya mendapati tertuduh telah dihadapkan dengan dua pertuduhan di dua buah mahkamah sesyen yang berbeza pada hari yang sama iaitu pada 10 Mei 2010. Tertuduh pada awalnya dituduh di Mahkamah Sesyen Jenayah 1, Johor Bahru melalui Kes Tangkap No 62–174 Tahun 2010 dengan satu pertuduhan merompak dengan bersenjata, satu kesalahan di bawah s 392/397 Kanun Keseksaan. Pertuduhan terhadap tertuduh dibaca seperti berikut:

SA62-174-2010

Bahawa kamu pada 1/4/2010 jam lebih kurang 5.30 petang, bertempat di alamat Hotel The Fern Lodge, No. 63, Jalan Besi, Taman Sri Putri, Skudai, dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim telah melakukan rompak bersenjatakan sebilah parang terhadap NORLIZA BTE ARIFFIN KPT: 710704-03-5444 dimana kamu telah menyamun harta milik hotel tersebut iaitu wang tunai RM120, oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 392/397 Kanun Keseksaan.

[4] Tertuduh telah mengaku salah terhadap pertuduhan yang dibacakan kepada beliau. Setelah berpuas hati bahawa tertuduh telah mengaku salah tanpa sebarang syarat serta faham akan sifat dan akibat pengakuan salah tersebut, tertuduh telah didapati salah dan disabitkan oleh Tuan HMS. Tertuduh juga telah mengaku kepada fakta kes serta barang kes yang dikemukakan di mahkamah. Tertuduh telah dikenakan hukuman penjara lima tahun berkuat kuasa sejak daripada tarikh ditangkap (18 April 2010).

[5] Tertuduh kemudiannya telah dibawa ke Mahkamah Sesyen Jenayah 2, di Johor Bahru dan dihadapkan dengan satu lagi pertuduhan merompak bersenjata di bawah s 392/397 Kanun Keseksaan melalui Kes Tangkap No 62–175 Tahun 2010. Pertuduhan terhadap tertuduh tersebut seperti berikut:

SA62-175-2010

Bahawa kamu pada 18/4/2010 jam lebih kurang 2.35 petang, bertempat di dalam Fern Lodge Hotel, No. 65, Jalan Besi, Taman Sri Putri, Skudai, di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah di dapati melakukan samun

JOBNAME: No Job Name PAGE: 6 SESS: 1 OUTPUT: Fri Oct 28 13:26:51 2011
//caseml/case/mlj/09_-_Lau_Chin_Huat_185468_126936_01

dengan bersenjatakan sebilah parang terhadap NORLIZA BTE ARIFFIN No. KPT: 710704-03-5444, di mana kamu telah menyamun harta milik hotel tersebut iaitu sebuah telefon bimbit jenama Nokia Model N95 dan wang tunai RM33. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 392/397 Kanun Keseksaan.

[6] Tertuduh juga telah mengaku salah terhadap pertuduhan tersebut dan atas sabitan, tertuduh telah dikenakan dengan hukuman tujuh tahun penjara berkuat kuasa sejak tarikh ditangkap (18 April 2010) serta tiga sebatan rotan.

[7] Sepanjang prosiding di mahkamah bawahan, tertuduh tidak diwakili oleh peguambela. Begitu juga tertuduh tidak diwakili oleh seorang peguambela pada peringkat semakan di mahkamah ini.

[8] Semasa tertuduh hadir di hadapan mahkamah ini, saya telah menerangkan tujuan kenapa saya membuat semakan terhadap hukuman yang dijatuhkan keatas beliau. Tertuduh menyatakan beliau mengalami masalah sakit mental dan perlu mengambil ubatan secara berterusan. Tertuduh memohon agar hukuman yang dikenakan keatas beliau diringankan oleh kerana ini merupakan kesalahan pertama beliau. Tertuduh juga memohon jika boleh beliau dihantar ke hospital mental di Tampoi untuk menjalani rawatan.

[9] Saya telah menimbangkan persoalan sama ada hukuman terhadap tertuduh patut berjalan serentak (*concurrent*) atau pun berjalan secara berasingan (*consecutive*). Mengenai isu ini, terdapat dua peruntukan di bawah undang-undang mengenainya. Peruntukan yang pertama terdapat di bawah s 102 Akta Mahkamah Rendah 1948 yang terpakai kepada semua mahkamah bawahan. Seksyen 102 Akta itu memperuntukan seperti berikut dalam bahasa asalnya:

> 102 Sentence in case of conviction for several offences at one trial
>
> When a person is convicted at one trial of any two or more distinct offences a Magistrates' Court may sentence him for those offences to the several punishments prescribed therefore which the court is competent to inflict, the punishments when consisting of imprisonment to commence the one after the expiration of the other in such order as the court may direct, or to run concurrently if the court shall so direct, but it shall not be necessary for the court, by reason only of the aggregate punishment for the several offences being in excess of the punishment which it is competent to inflict on conviction of one single offence, to send the offender for trial before a higher court: Provided that —
>
> (a) in no case shall the person be sentenced to periods of imprisonment amounting in the aggregate to more than twenty years;
>
> (b) the aggregate punishment shall not exceed twice the amount of punishment which the court in the exercise of its ordinary jurisdiction is competent to inflict; and

JOBNAME: No Job Name PAGE: 7 SESS: 1 OUTPUT: Fri Oct 28 13:26:51 2011
//caseml/case/mlj/09_-_Lau_Chin_Huat_185468_126936_01

(c) when imprisonment is directed in default of payment of a fine or of costs or compensation ordered under the authority of any law for the time being in force, the imprisonment shall be consecutive to any other term or terms of imprisonment so directed and to any sentence of imprisonment otherwise imposed.

[10] Walaupun s 102 Akta itu menyebutkan majistret, namun berdasarkan kepada s 77(1) serta Jadual Keempat kepada Akta yang sama, perkataan majistret merangkumi juga seorang hakim mahkamah sesyen. peruntukan s 102 Akta itu hanya terpakai dalam keadaan di mana beberapa pertuduhan telah dibicarakan dalam satu perbicaraan (*at one trial*). Dalam kes terhadap teruduh dihadapan mahkamah sekarang, dua pertuduhan terhadap beliau tidak dibicarakan dalam satu perbicaraan. Tertuduh telah dihadapkan dengan dua pertuduhan di dua mahkamah sesyen yang berasingan dan diputuskan oleh dua orang hakim mahkamah sesyen yang berbeza. Oleh itu, pada pandangan saya peruntukan di bawah s 102 Akta Mahkamah Rendah 1948 tidak sesuai dipakai dalam kes terhadap tertuduh disini (lihat kes *SA Jamil bin Md Yusof v Public Prosecutor* [2002] 6 MLJ 106; [2002] 7 CLJ 132 oleh YA Hakim Syed Ahmad Helmy HMT— sekarang HMR).

[11] Oleh itu, peruntukan undang-undang yang kedua seperti terdapat di bawah s 292 Kanun Acara Jenayah ('KAJ') adalah lebih sesuai dan lebih tepat terpakai dalam kes terhadap tertuduh di sini mengenai sama ada hukuman-hukuman terhadap beliau patut diperintahkan berjalan serentak ataupun secara berasingan. Seksyen 292 KAJ memperuntukan seperti berikut:

292 Commencement of sentence of imprisonment on prisoner already undergoing imprisonment

(1) When a person who is an escaped convict or is undergoing a sentence of imprisonment is sentenced to imprisonment, such imprisonment shall commence either immediately or at the expiration of the imprisonment to which he has been previously sentenced, as the Court awarding the sentence may direct. A sentence of death shall be executed notwithstanding the pendency of any sentence of imprisonment.

(2) Nothing in the last preceding subsection shall be held to excuse any person from any part of the punishment to which he is liable upon his former or subsequent conviction.

[12] Nampaknya, peruntukan di bawah s 292 KAJ ini memberikan kuasa budi bicara kepada seseorang hakim bicara untuk menentukan sama ada sesuatu hukuman penjara yang dikenakan ke atas seseorang tertuduh itu berjalan secara serentak ataupun secara berasingan dalam keadaan terdapat lebih daripada satu hukuman pemenjaraan yang dikenakan keatas tertuduh yang sama. Walaupun kuasa budi bicara diberikan, namun adalah menjadi

JOBNAME: No Job Name PAGE: 8 SESS: 1 OUTPUT: Fri Oct 28 13:26:51 2011
//caseml/case/mlj/09_-_Lau_Chin_Huat_185468_126936_01

undang-undang mantap bahawa kuasa budi bicara tersebut hendaklah tidak dilaksanakan dengan cara sewenang-wenangnya. Sebaliknya, kuasa budi bicara yang diberikan itu hendaklah dilaksanakan mengikut norma-norma perundangan yang mantap dan diterima sebagai satu 'rule of practice' serta selaras dengan keputusan dalam kes-kes yang telah diputuskan sebelum ini.

[13] Prinsip mengenai hukuman secara serentak atau secara berasingan telah dibincangkan dalam banyak kes terutama oleh YA Hakim Augustine Paul HMR (ketika itu) dalam kes *Bachik bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572. Prinsip-prinsip dalam beberapa kes terdahulu telah dibentangkan secara terperinci dan menyeluruh oleh YA hakim Low Hop Bing HMT (sekarang HMR) dalam kes *Public Prosecutor v Shari bin Mohd Shariff* [2005] 4 MLJ 763; [2005] 5 CLJ 439. Dengan izin, keputusan YA Hakim Low Hop Bing diperturunkan semula seperti berikut:

> The principles governing the imposition of concurrent or consecutive sentences have been succinctly stated in *Bachik Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572 (CA) by Augustine Paul JCA who delivered the judgment of the Court of Appeal and may be enumerated as follows:
>
> (a) In deciding whether the terms of imprisonment should be concurrent or consecutive, the court should be guided by the one transaction rule and the totality principle;
>
> (b) Pursuant to the one transaction rule, where two or more offences are committed in the course of a single transaction all sentences in respect of these offences should be concurrent rather than consecutive: *R v Saleem* [1964] Crim LR 482; *R v Walsh* [1965] Crim LR 248; *Abu Seman v Public Prosecutor* [1982] 2 MLJ 338 at p 343, [1981] 1 LNS 181 Chong Siew Fai J (later CJ Sabah and Sarawak); *Public Prosecutor v Yap Huat Heng* [1985] 2 MLJ 414; [1986] 1 CLJ 81;[1986] CLJ (Rep) 645 (HC); *Hashim bin Pawanchee & Anor v Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 66; *Haji Johari bin Haji Abdul Karim v Public Prosecutor* [1989] 2 MLJ 276; *Public Prosecutor v Wong Kok Sein & Ors* [1988] 2 MLJ 436; [1988] 1 CLJ 873; [1988] 2 CLJ (Rep) 630 (HC), *Sau Soo Kim v Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 134; [1975] 1 LNS 158 and *Public Prosecutor v Ng Chong Wan* [1988] 3 MLJ 414; [1988] 2 CLJ 833; [1988] 2 CLJ (rep) 278 (HC) in *Gek Sing a/l Kaliappan v Public Prosecutor* [1999] 6 MLJ 641; [1999] 4 CLJ 292 (HC) per Vincent Ng J.
>
> (c) For there to be one transaction four elements must be present, that is to say, proximity of time, proximity of place, continuity of action and continuity of purpose or design: *Jayaraman & Ors v Public Prosecutor* [1979] 2 MLJ 88; [1979] 1 LNS 36; *Amrita Lal Hazra v Emperor* 42 Cal 957; *Chin Choy v Public Prosecutor* [1955] 1 LNS 17; [1955] MLJ 236; and *SA Jamil Md Yusof* [2002] 6 MLJ 106; [2002] 7 CLJ 132 (HC).
>
> (d) The one transaction rule is, however, not absolute, as there are situations where consecutive sentences are necessary to discourage the type of criminal conduct being punished: *R v Sheatley* (1983) 5 Cr App R (S) 417 and *R v Skinner* (1986)

JOBNAME: No Job Name PAGE: 9 SESS: 1 OUTPUT: Fri Oct 28 13:26:51 2011
//caseml/case/mlj/09_-_Lau_Chin_Huat_185468_126936_01

8 Cr App R (S) 166. The applicability of the exception is said to depend on the facts of the case and the circumstances of the offences. A

(e) A cumulative sentence may offend the totality principle if the aggregate sentence is substantially above the normal level of sentences for the most serious of the individual offences involved, or if its effect is to impose on the offender 'a crushing sentence' not in keeping with his records and prospects: DA Thomas in *Principles of Sentencing* (2nd Ed) at pp 57–58: *Wong Kai Chuen Philip v Public Prosecutor*, and *Kanagasuntharam*; and *Maideen Pillai v Public Prosecutor* [1996] 1 SLR 161; B

(f) Sentences must have regard to the total length of sentence passed, particularly where consecutive sentences have been imposed, to ensure that the sentence properly reflects the overall seriousness of the behavior: *Emmins on Sentencing*, (2nd Ed) at p 151; C

(g) There will be cases properly described as crushing the hope in the offender of reformation and a return to a desirable life but in which the offender has, by his criminal acts, forfeited any right to have his sentence reduced on that account: *Crowley and Garner v R* (1991) 55 A Crim R 201; D

(h) A richly deserved sentence, not manifestly excessive, should not be disturbed just because the person upon whom the sentence is imposed may feel crushed by it: per O'Bryan J in *Crowley and Garner v R,* at p 301;

To the above principles, the following may be added: E

(i) The question whether the sentences should run consecutively or concurrently must depend upon the particular circumstances of the case: *Sau Soo Kim v Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 134; [1975] 1 LNS 158, per Lee Hun Hoe CJ (Borneo) (as he then was) whose judgment was read by Suffian LP (as he then was); F

(j) The totality principle requires the court to consider whether the aggregate is just and appropriate and to ensure that the sentence is not excessive: *R v Faulkner* (1972) 56 Cr App R 594; *Public Prosecutor v Teoh Heng Chye* [1989] 3 MLJ 205; [1990] 1 CLJ 194; *Public Prosecutor v Chot Saik Kam* [1991] 1 MLJ 193; (1990) 1 LNS 137; *Marimuthu Balakrishnan v Public Prosecutor* [1974] 2 MLJ 145; [1974] 1 LNS 88. G

[14] Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah sekarang, tertuduh telah disabitkan dengan dua kesalahan merompak dengan bersenjatakan sebilah parang terhadap mangsa seorang wanita yang bertugas sebagai penjaga sebuah hotel. Walaupun mangsa rompakan merupakan orang yang sama dan kejadian rompakan juga berlaku ditempat yang sama namun kedua-dua kejadian berlaku pada tarikh yang berlainan. Oleh itu dua kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh bukanlah dilakukan dalam satu transaksi yang sama. Rompakan pertama telah dilakukan oleh tertuduh pada 1 April 2010 dan beliau sekali lagi datang merompak mangsa yang sama pada 18 April 2010 dan pada hari kejadian rompakan kedua tertuduh telah berjaya ditangkap. Sekiranya dalam satu transaksi yang sama, tertuduh melakukan lebih daripada satu kesalahan, contohnya memiliki heroin dan memiliki ganja di bawah Akta Dadah H I

JOBNAME: No Job Name PAGE: 10 SESS: 1 OUTPUT: Fri Oct 28 13:26:51 2011
//caseml/case/mlj/09_-_Lau_Chin_Huat_185468_126936_01

Berbahaya 1952. Dalam keadaan tersebut, hukuman bagi kedua-dua kesalahan wajar dijalankan secara serentak.

[15] Dua kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh selain tidak dalam satu transaksi yang sama, kedua-dua kesalahan juga merupakan dua kesalahan yang berbeza (*two distinct offence*) walaupun melibatkan mangsa yang sama. Dalam kes *Mansor bin Meyon v Public Prosecutor* [2007] 8 MLJ 706; [2007] 7 CLJ 561 YA Hakim Jeffrey Tan HMT (sekarang HMR) telah memutuskan bahawa tertuduh dalam kes tersebut yang melakukan tiga kesalahan merogol mangsa yang sama pada tarikh-tarikh yang berbeza sebagai melakukan tiga kesalahan yang berbeza dan wajar dikenakan hukuman secara berasingan tetapi oleh kerana dengan memakai prinsip keseluruhan hukuman (*totality*), maka hukuman 18 tahun penjara dan lapan rotan bagi setiap kesalahan yang dikenakan oleh Tuan HMS telah dikurangkan kepada 12 tahun setiap tuduhan berjalan secara berasingan. YA hakim seterusnya menyatakan:

> (8) In the instant case, there were undoubtedly three distinct and separate offences. The sentences must reflect that fact. If the offences are distinct and separate it will normally be the duty of the judge to pass consecutive sentences, even if the seriousness of the individual offences means that the total sentence will be more than could have been passed in respect of any one of them-the totality principle requires the court in the last instance to take a look at the total and see whether, in the circumstances, it is just and appropriate and if not to reduce it accordingly (*Public Prosecutor v Wong Kok Sein & Ors* [1988] 2 MLJ 436; [1988] 1 CLJ 873; [1988] 2 CLJ (Rep) 630, quoting from the Hong Kong case of *Attorney-General v Dominic Cheung Kai Man* Application of Review No 1 of 1987).

[16] Dalam kes *Safae Ing Lwn Pendakwa Raya* [2006] 5 MLJ 685; [2006] 6 CLJ 125, YA Hakim Ahmad Maarop HMT (sekarang HMR) dalam mendengar rayuan perayu dalam kes itu telah mengesahkan hukuman 20 tahun penjara dan lapan sebatan rotan bagi setiap kesalahan sumbang mahram yang berlainan dijalankan secara berasingan. YA Hakim telah membuat keputusan bahawa kepentingan awam hendaklah mengatasi 'crushing effect' hukuman secara berasingan tersebut ke atas perayu dalam kes itu. Dalam kes yang lain, *Mohd Zandere bin Ariffin v Public Prosecutor* [2006] 5 CLJ 663, YA hakim yang sama telah mengesahkan hukuman 18 tahun penjara dan tiga sebatan rotan bagi setiap tiga kesalahan sumbang mahram yang dilakukan oleh perayu dalam kes itu.

[17] Kesalahan merompak dengan menggunakan senjata di bawah s 392/397 Kanun Keseksaan boleh membawa hukuman penjara maksima 14 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan sebagai tambahan kepada hukuman penjara tersebut. Bagi pertuduhan dalam kes SA62–174 Tahun 2010, tertuduh telah dikenakan hukuman lima tahun penjara dan bagi pertuduhan dalam kes SA62–175 Tahun 2010 pula beliau dikenakan hukuman tujuh tahun penjara

JOBNAME: No Job Name PAGE: 11 SESS: 1 OUTPUT: Fri Oct 28 13:26:51 2011
//caseml/case/mlj/09_-_Lau_Chin_Huat_185468_126936_01

dan tiga sebatan rotan. Kedua-dua hukuman tersebut berjalan serentak mulai dari tarikh ditangkap. Adalah jelas bahawa tertuduh telah melakukan dua kesalahan yang berlainan namun Tuan HMS dalam kes SA62–175 Tahun 2010 telah tidak menggunakan prinsip penghukuman yang betul di bawah s 292 KAJ dan gagal memerintahkan hukuman tujuh tahun yang beliau kenakan ke atas tertuduh supaya dijalankan secara berasingan.

[18] Sekiranya kedua-dua hukuman tersebut berjalan berasingan, ini bermakna tertuduh akan menjalani hukuman secara keseluruhan selama 12 tahun penjara. Setelah ditolak remission, beliau perlu berada di dalam penjara selama lapan tahun. Hukuman berasingan secara keseluruhan 12 tahun dalam kes ini tidak melanggar prinsip 'totality' seperti diputuskan oleh YA hakim Augustine Paul HMR dan YA hakim Low Hop Bing dalam kes *Shari Mohd Shariff* di atas. Hukuman 12 tahun tersebut untuk dua kesalahan merompak adalah lebih rendah daripada hukuman maksima bagi satu kesalahan merompak di bawah s 392/397 Kanun Keseksaan. Dengan melihat kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh dalam kes ini di mana dalam tempoh masa tidak sampai tiga minggu telah melakukan dua kes rompakan bersenjata ke atas mangsa yang sama tidak harus dipandang ringan. Dua kesalahan tersebut adalah serius dan jika tidak ditangkap selepas melakukan kesalahan kedua, tidak ada jaminan tertuduh akan mengulangi lagi kesalahan yang sama ke atas mangsa yang sama atau ke atas mangsa yang lain. Hukuman 12 tahun dan setelah *remission* akan menjadi lapan tahun tidak akan membawa 'crushing effect' kepada tertuduh dalam kes ini.

[19] Oleh itu, berdasarkan kepada kuasa yang diberikan kepada saya di bawah s 325 KAJ yang dibaca bersama dengan s 316 KAJ, saya memerintahkan hukuman tujuh tahun penjara yang dijatuhkan oleh Tuan HMS ke atas tertuduh dalam Kes Tangkap No SA62–175 Tahun 2010 dijalankan secara berasingan selepas tamatnya hukuman lima tahun penjara yang dikenakan bagi Kes Tangkap No SA62–174 Tahun 2010.

Hukuman penjara tujuh tahun dalam kes kedua dijalankan secara berasingan selepas tamat hukuman penjara lima tahun bagi kes pertama.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed